

HALAMAN KOTA

ADUAN PEMBACA

Pembaca yang ingin mengemukakan pandangan atau masalah boleh e-mel ke bhnews@bh.com.my

[FOTO IQMAL HAQIM ROSMAN/BH]



[FOTO RAMDZAN MASIAM/BH]



Pelajar membeli makanan ringan yang dijual penjaja di luar kawasan sebuah sekolah di bandar Seremban, Negeri Sembilan manakala gambar kanan di luar sebuah sekolah di Air Itam, Pulau Pinang.

Usir penjaja jajan degil: PIBGN

BH
28/8/2016
m15 12

➔ PBT, Jabatan Kesihatan, polis perlu bertindak kawal kehadiran peniaga di luar kawasan sekolah

Oleh Mohd Zulkifli Zainuddin
mohd.zulkifli@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Usah biarkan kehadiran penjaja di luar kawasan sekolah membuka risiko kemalangan dan mengancam kesihatan murid.

Selain itu, penculikan juga boleh berlaku apabila murid mudah diperalatkan dengan pelbagai makanan ringan kerana latar belakang penjaja tidak diketahui dan mungkin mereka adalah warga asing

Justeru, Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN) mahu tindakan bersepadu di antara pihak berkuasa tempatan (PBT), polis dan Jabatan Kesihatan diambil segera bagi menangani isu penjaja di luar sekolah.

Presidennya, Prof Madya Datuk Dr Mohamad Ali Hassan, berkata isu itu dapat diselesaikan jika se-

mua pihak tampil bekerjasama menghalang kegiatan penjaja makanan tidak sihat berterusan di luar sekolah.

Periksa makanan dijual

“Cuba bayangkan sebaik murid keluar dari pagar sekolah, mereka terus berlari ke arah penjaja, berebut membeli makanan berkekaan. Mereka juga sudah tidak menghiraukan lalu lintas, sekali gus menyebabkan kemungkinan berlaku kemalangan,” katanya di sini.

Beliau berkata, polis boleh bertindak dengan mengawal lalu lintas dan jenayah, manakala PBT bertindak ke atas penjaja dan barangan jualan mereka atas kesalahan tidak memiliki lesen perniagaan.

“Bagi Jabatan Kesihatan pula, mereka perlu memeriksa makanan yang dijual selain memberi pendedahan kepada murid. Bukannya hanya memberi tumpuan kepada makanan dalam sekolah, tindakan sama juga boleh dila-

kukan di luar sekolah.

“Tiada lagi ibu bapa yang menuding jari kepada pihak kantin sekolah yang menyebabkan anak mereka sakit perut, sedangkan puncunya datang daripada makanan ringan yang dijual luar sekolah,” katanya.

Perlu kerap rondaan

Bagi menangani masalah itu juga, Mohamad Ali mencadangkan bagi sekolah yang tidak mengambil tindakan, polis perlu membuat rondaan lebih kerap selain meletakkan kotak aduan polis di hadapan sekolah.

“Ibu bapa juga boleh bergilir-gilir melakukan pemantauan di hadapan sekolah. Kita nak pastikan kawasan depan pagar sekolah lebih selamat.

“Kebanyakan murid bukan menunggu ibu bapa mereka di dalam kawasan sekolah, tetapi di luar. Malah, mereka suka bermain kejar-kejar, sekali gus memberi risiko kepada nyawa mereka,” katanya.



Jabatan Kesihatan pula perlu memeriksa makanan yang dijual selain memberi pendedahan kepada murid. Bukannya hanya memberi tumpuan kepada makanan dalam sekolah, tindakan sama juga boleh dilakukan di luar sekolah”

Dr Mohamad Ali Hassan,
Presiden Majlis Permuafakatan
Persatuan Ibu Bapa dan Guru
Nasional (PIBGN)